



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
Km. 4, Jalan Jerantut – Temerloh  
27000 Jerantut, Pahang

Tel : 09 2662470  
Fax : 09 2661400  
Emel : ppdj.jerantut@moe.gov.my

Ruj.Kami : PPDJ.SPS.UPP.100-3/2 (98)  
Tarikh : 29 NOVEMBER 2022

**En. Adillah bin Abu Samah**  
Ketua Pengawal Eksekutif  
ME12PAY DIGITAL SDN BHD  
2-19-01 Worldwide @ 7, Jalan Lazuardi 7/29, Section 7  
40000 Shah Alam  
Selangor



Tuan,

### **PERMOHONAN PERLAKSANAAN PROGRAM GO-DIGITAL SEKOLAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH UNTUK TAHUN 2023-2024**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat JPNP.SPS.600-11/2/1 Jld.4(124) bertarikh **11 November 2022** mengenai perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut **tiada halangan** bagi memberi kebenaran kepada permohonan pihak tuan untuk **Perlaksanaan Program Go-Digital Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Untuk Tahun 2023-2024**. Pihak tuan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Mendapatkan kebenaran daripada pengetua/guru besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 2.2 Surat kelulusan/kebenaran tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan pegawai yang terlibat dengan program ini;
- 2.5 Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 2.6 Penyertaan murid hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 2.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat;
- 2.8 Surat kebenaran / kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama KPM;

**\_ PERMOHONAN PERLAKSANAAN PROGRAM GO-DIGITAL SEKOLAH TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH UNTUK TAHUN 2023-2024**

---

- 2.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.10 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
- 2.11 **Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa sepanjang program dijalankan; dan**
- 2.12 **Jabatan Pendidikan Negara Pahang berhak menarik balik surat Kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**
3. Kelulusan ini (Permohonan Pelaksanaan Program Go-Digital Sekolah Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah Untuk Tahun 2023-2024) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 31 Disember 2023. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Nik Mohamad Safien bin Musa, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (Menengah dan Tingkatan 6), Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut di talian 013-9837580.

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

**“ WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**NAZLI BIN MAHMUD**  
Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut

s.k.:

1. Fail berkenaan

1004 Draf (A) 1004 (Kementerian Pendidikan)